

**HUBUNGAN KERAJAAN LAMURI DENGAN
DUNIA ANTARABANGSA BERDASARKAN
TEMUAN SERAMIK DI KAWASAN LAMREH
KABUPATEN ACEH BESAR (13 – 15 M)**

AMIR HUSNI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2020

**HUBUNGAN KERAJAAN LAMURI DENGAN
DUNIA ANTARABANGSA BERDASARKAN
TEMUAN SERAMIK DI KAWASAN LAMREH
KABUPATEN ACEH BESAR (13 – 15 M)**

oleh

AMIR HUSNI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Julai 2020

PENGHARGAAN

Puji dan syukur kepada Allah tuhan pencipta alam dan selawat kepada Rasulullah Muhammad SAW serta sahabat. Alhamdulillah, tesis ini telah berjaya diselesaikan dengan baik kerana mendapat bantuan dan sokongan daripada beberapa pihak dan individu. Oleh itu, pertama sekali saya ingin mengucapkan terimakasih yang setinggi-tingginya kepada penyelia saya iaitu Prof. Dato' Dr. Mokhtar Saidin, pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar, idea dan nasihat sepanjang kajian ini dijalankan. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Dr. Husaini Ibrahim, M.A., pensyarah arkeologi dan sejarah pada Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Universitas Syiah Kuala Banda Aceh yang telah memberikan idea, nasihat dan dorongan mulai dari awal sehingga tesis ini berjaya diselesaikan. Di samping itu pula saya ingin merakamkan penghargaan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS), USM dan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) kerana telah memberikan bantuan kewangan (*USM Fellowship & Research Fund*) kepada saya.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terimakasih kepada semua staf Pusat Penyelidikan Arkeologi Global kerana telah membantu saya menyelesaikan penyelidikan ini, antaranya En. Azman, En. Faris, En. Syeh, En. Ammar, En. Khai, En. Ikhai, En. Syahir, En. Latif, En. Talib dan semua staff PPAG lainnya. Kemudian, saya juga merakamkan kepada pelajar siswazah PPAG, antaranya adalah En. Shaiful Shahidan (Chip) yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, idea dan juga nasihat kepada saya. Selain itu juga kepada semua pelajar-pelajar PPAG lainnya antaranya Kak Nisa, Kak Lin, Kak Yaya, Bang Amir, Bg Zainuddin, Nini dan Wani. Terimakasih juga kepada rakan saya di Rumoh Aceh iaitu Bg Said, Noval, Saryulis, Dwiky, Bg Andika, Pak

Edi, Pak Sabirin, Pak Ayyub dan Pak Saifuddin Bantasyam yang telah memberikan sokongan selama saya belajar di USM. Terima kasih juga kepada rakan-rakan dari Indonesia iaitu Bg Arif dan Eko yang juga memberikan sumbangan kepada saya selama di USM.

Terakhir, saya ingin merakamkan terimakasih dan penghargaan sebesar-besarnya kepada keluarga saya, kerana mereka saya pergi dan untuk mereka saya kembali. Mereka telah memberikan semuanya kepada saya sehingga saya berjaya menyelesaikan pendidikan di Universiti Sains Malaysia. Kepada ayah saya bapak Marwarn Abdullah, ibu saya Cut Lilis Suriani, abang saya Zul Fikar dan adik saya Wirda Wati, tiada kata yang boleh saya ucapkan, kerana doa dan dukungan yang tulus kajian ini berjaya diselesaikan.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENERAI RAJAH	ii
SENARAI GAMBAR	iii
SENARAI GLOSARI	viii
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Seramik.....	1
1.3 Latar Belakang	3
1.4 Isu dan Masalah.....	10
1.4.1 Kemasukan Awal Seramik ke Aceh	10
1.4.2 Klasifikasi Seramik	10
1.4.3 Usia Seramik	11
1.4.4 Asal Seramik	11
1.5 Tujuan Penyelidikan.....	11
1.6 Kaedah Penyelidikan.....	12
1.7 Skop Penyelidikan.....	12
1.8 Penulisan Bab.....	13
BAB 2 SOROTAN LITERATUR	14
2.1 Pengenalan	14
2.2 Klasifikasi Seramik	14

2.2.1	Seramik China	15
2.2.2	Seramik Vietnam	27
2.2.3	Seramik Khmer.....	29
2.2.4	Seramik Thailand.....	31
2.2.5	Seramik Burma (Myanmar).....	34
2.3	Perdagangan Maritim di Asia Tenggara.....	36
2.4	Tapak-tapak Taburan Seramik di Asia Tenggara.....	42
2.4.1	Tapak Taburan Seramik di Indonesia.....	43
2.4.2	Tapak Taburan Seramik di Malaysia.....	51
2.4.3	Tapak Taburan Seramik di Singapura	60
2.4.4	Tapak Taburan Seramik di Brunei	62
2.4.5	Tapak Taburan Seramik di Filipina	64
2.5	Isu dan Masalah Seramik di Asia Tenggara.....	68
2.6	Rumusan Bab	68
BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	70
3.1	Pengenalan	70
3.2	Kajian Perpustakaan	70
3.3	Survei Permukaan	71
3.4	Pemetaan Geofizik	74
3.5	Pemetaan Kontur Tapak	76
3.6	Ekskavasi.....	77
3.7	Analisis.....	82
3.7.1	Analisis Morfologi.....	82
3.7.2	Analisis Motif Hias.....	84
3.7.3	Analisis Perbandingan	85
3.7.4	Analisis Makmal.....	86
3.8	Rumusan Bab	88

BAB 4	KERJA LAPANGAN	89
4.1	Pengenalan	89
4.2	Survei Permukaan	89
4.3	Pemetaan Kontur Tapak	92
4.4	Pemetaan Geofizik	94
	4.4.1 Survei Radar Tusukan Bumi (GPR).....	94
	4.4.2 Survei Magnetik	96
4.5	Ekskavasi.....	100
	4.5.1 Ekskavasi di Tapak Lamreh (LMR'18).....	100
	4.5.2 Hasil Ekskavasi	126
4.6	Rumusan Bab	129
BAB 5	ANALISIS FIZIKAL SERAMIK	130
5.1	Pengenalan	130
5.2	Seramik China	130
	5.2.1 Klasifikasi Seramik China.....	130
	5.2.2 Motif Hias Seramik China.....	158
5.3	Seramik Thailand	171
	5.3.1 Klasifikasi Seramik Thailand	172
	5.3.2 Motif Hias Seramik Thailand	182
5.4	Seramik Vietnam.....	191
	5.4.1 Klasifikasi dan Motif Hias Seramik Vietnam	191
5.5	Seramik Myanmar	195
	5.5.1 Klasifikasi dan Motif Hias Seramik Myanmar.....	195
5.6	Tembikar	198
	5.6.1 Klasifikasi Tembikar	198
	5.6.2 Motif Hias Tembikar	204
5.7	Rumusan Bab	205

BAB 6	ANALISIS KIMIA SERAMIK	207
6.1	Pengenalan	207
6.2	Analisis XRF	207
6.2.1	Seramik China	207
6.3	Analisis EDX.....	216
6.3.1	Seramik Vietnam	216
6.3.2	Seramik Thailand.....	218
6.4	Rumusan Bab	220
BAB 7	KESIMPULAN.....	221
7.1	Pengenalan	221
7.2	Klasifikasi Keramik di Tapak Lamreh.....	221
7.2.1	Seramik China	222
7.2.2	Seramik Thailand.....	223
7.2.3	Seramik Vietnam	224
7.2.4	Seramik Myanmar	224
7.3	Pentarikan Tapak Lamreh Berdasarkan Bukti Keramik	225
7.4	Asal-usul Keramik di Tapak Lamreh.....	230
7.5	Hubungan Perdagangan antara Lamreh, Aceh Dengan Negara Sekitar Berdasarkan Bukti Keramik.....	233
7.6	Kajian Lanjutan	237
	RUJUKAN	238
	SENERAI PENERBITAN	
	SENERAI PERSIDANGAN/SEMINAR	

SENARAI JADUAL

Muka Surat

Jadual 2.1	Klasifikasi seramik China yang diperdagangkan di pasaran Asia Tenggara abad ke-9 Masihi sehingga abad ke-19 Masihi.....	15
Jadual 2.2	Klasifikasi seramik Vietnam yang dihasilkan untuk diperdagangkan di pasaran Asia Tenggara	27
Jadual 2.3	Klasifikasi seramik Khmer (Kemboja) yang dihasilkan daripada suhu pembakaran tinggi	30
Jadual 2.4	Klasifikasi seramik Thailand yang pernah diperdagangkan di pasaran Asia Tenggara	31
Jadual 2.5	Klasifikasi seramik Burma (Myanmar) yang dihasilkan untuk diperdagangkan di pasaran Asia Tenggara	35
Jadual 2.6	Komoditi utama yang diperdagangkan oleh pedagang di pelabuhan-pelabuhan Asia Tenggara pada abad ke-15 sehingga 18 Masihi.....	41
Jadual 4.1	Jumlah jumpaan artifak mengikut spit di petak H3	110
Jadual 4.2	Jumlah jumpaan artifak mengikut spit di petak V3	116
Jadual 4.3	Jumlah jumpaan artifak mengikut spit di petak G3	119
Jadual 4.4	Jumlah jumpaan artifak mengikut spit di petak G4	121
Jadual 4.5	Jumlah jumpaan artifak mengikut spit di petak H4	123
Jadual 4.6	Jumlah jumpaan artifak mengikut spit di petak J3.....	125

SENERAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 1.1	Kaedah penyelidikan.....	12
Rajah 4.1	Jumlah keseluruhan seramik, tembikar batu dan tembikar yang dikumpulkan di tapak Lamreh mengikut kawasan	91
Rajah 4.2	Hasil bacaan GPR baris 3 (L3)	96
Rajah 4.3	Taburan artifak mengikut jenis di petak H3.....	109
Rajah 4.4	Taburan artifak mengikut jenis di petak V3.....	116
Rajah 4.5	Jumlah keseluruhan artifak yang dijumpai di petak ekskavasi	126
Rajah 4.6	Jumlah keseluruhan artifak yang dijumpai di petak ekskavasi dan permukaan mengikut jenis di tapak Lamreh	128
Rajah 5.1	Jumlah keseluruhan seramik seladon mengikut bentuk serpihan	131
Rajah 5.2	Jumlah keseluruhan seramik qingbai mengikut kumpulan serpihan	145
Rajah 5.3	Klasifikasi seramik porselin biru putih mengikut bentuk serpihan..	149
Rajah 5.4	Klasifikasi tembikar batu slip coklat mengikut kumpulan serpihan	155
Rajah 5.5	Jumlah seramik Thailand di tapak Lamreh mengikut jenis	172
Rajah 5.6	Jumlah keseluruhan tembikar mengikut bentuk kumpulan serpihan	199
Rajah 7.1	Jumlah peratus keseluruhan jenis seramik yang dijumpai di tapak Lamreh.	233

SENARAI GAMBAR

Muka Surat

Plet 3.1	Lakaran seramik mengikut bentuk serpihan	83
Plet 4.1	Aktiviti pemetaan kontur tapak	92
Plet 4.2	Tapak LMR'18	100
Plet 4.3	Aktiviti ekskavasi di petak H3	102
Plet 4.4	Jumpai seramik hampir lengkap pada spit 5 petak H3	105
Plet 4.5	Stratigrafi petak H3	108
Plet 4.6	Aktiviti ekskavasi di petak V3	111
Plet 4.7	Lapisan spit 5 petak H3	114
Plet 4.8	Stratigrafi petak V3	115
Plet 4.9	Petak ekskavasi G3, G4, H3, H4 dan J3 di tapak LMR'18.....	117
Plet 5.1	Serpihan dasar mangkuk saladon: (a) eksterior dan (b) interior	133
Plet 5.2	Lakaran bentuk sebenar berdasarkan serpihan badan seramik	133
Plet 5.3	Pecahan mangkuk saladon bibir lurus yang dijumpai di tapak Lamreh	134
Plet 5.4	Lakaran bentuk sebenar mangkuk saladon bibir melengkung	135
Plet 5.5	Lakaran bentuk sebenar pinggan saladon berdasarkan serpihan dasar	137
Plet 5.6	Lakaran bentuk sebenar pinggan saladon berdasarkan bentuk serpihan badan.....	137
Plet 5.7	Lakaran bentuk sebenar pinggan saladon bibir datar berdasarkan serpihan bibir.....	138
Plet 5.8	Serpihan pinggan saladon bibir lurus dengan ujung naik ke atas	139

Plet 5.9	(a) Serpihan dasar kendi seladon yang dijumpai di tapak Lamreh dan (b) kendi berpenutup seladon yang dijumpai di tapak kapal karam Shinan di Laut Korea (Green, 1983).....	141
Plet 5.10	Lakaran bentuk sebenar pasu seladon <i>yuhuchungping</i> di tapak Lamreh	143
Plet 5.11	(a) Serpihan kaki mangkuk bertingkat (<i>stemcup</i>) di tapak Lamreh dan (b) mangkuk seladon bertingkat (<i>stemcup</i>) di British Muzium (Gray, 1961; Valenstein, 1988).....	144
Plet 5.12	Serpihan dasar mangkuk qingbai yang dijumpai di tapak Lamreh: (a) eksterior mangkuk dan (b) interior mangkuk	146
Plet 5.13	Lakaran bentuk sebenar mangkuk qingbai berdasarkan serpihan badan	146
Plet 5.14	Lakaran bentuk sebenar mangkuk bibir melengkung berdasarkan bentuk serpihan	147
Plet 5.15	Serpihan dasar mangkuk porselin biru putih di tapak Lamreh: (a) interior mangkuk dan (b) eksterior mangkuk.....	150
Plet 5.16	Lakaran bentuk sebenar mangkuk porselin biru putih di tapak Lamreh	151
Plet 5.17	Lakaran bentuk sebenar mangkuk porselin biru putih bibir melengkung.....	151
Plet 5.18	Lakaran bentuk sebenar mangkuk porselin biru putih bibir lurus di tapak Lamreh berdasarkan serpihan bibir	152
Plet 5.19	Lakaran bentuk sebenar pinggan porselin biru putih di tapak Lamreh berdasarkan serpihan dasar	153
Plet 5.20	Lakaran bentuk sebenar pinggan porselin biru putih di tapak Lamreh berdasarkan serpihan badan.....	154
Plet 5.21	Serpihan badan kendi slip coklat di tapak Lamreh: (a) serpihan badan kendi yang mempunyai cincin pemegang (<i>ring handless</i>) dan (b) serpihan badan kendi dengan hiasan motif geometri pada permukaan luarnya	156

Plet 5.22	Serpihan bibir bergulung (<i>rolled rim</i>) kendi tembikar batu slip coklat di tapak Lamreh.....	157
Plet 5.23	Motif bunga teratai pada serpihan dasar mangkuk saladon dari tapak Lamreh: (a) motif bunga teratai yang dibuat menggunakan teknik ukir dan (b) motif bunga teratai yang dibuat menggunakan teknik bentukan	159
Plet 5.24	Motif kelopak teratai pada serpihan badan mangkuk saladon di tapak Lamreh: (a) tampak interior dan (b) tampak eksterior	160
Plet 5.25	(a) Motif lakaran bunga yang dibuat menggunakan teknik bentukan (<i>molded</i>) pada serpihan badan mangkuk dan (b) motif lakaran bunga yang dibuat menggunakan teknik ukir (<i>carved</i>) pada serpihan bibir mangkuk.....	161
Plet 5.26	Motif medallion pada serpihan dasar mangkuk saladon di tapak Lamreh: (a) motif medallion sekali ganda dan (b) motif medallion satu buah lingkaran	162
Plet 5.27	Motif garis mendatar pada seramik saladon di tapak Lamreh: (a) motif garis mendatar pada badan mangkuk dan (b) motif garis mendatar pada bibir pinggan.....	163
Plet 5.28	Motif garis mendatar pada (a) badan mangkuk, (b) badan pinggan, (c) badan pasu dan (d) badan kendi	164
Plet 5.29	(a) motif lakaran garis pada serpihan badan mangkuk dan (b) motif lakaran garis pada serpihan bibir pinggan.....	165
Plet 5.30	Motif bunga teratai di dalam medallion pada interior dasar mangkuk.....	166
Plet 5.31	Motif lakaran bunga pada (a) serpihan badan pinggan dan (b) serpihan bibir mangkuk porselin biru putih di tapak Lamreh	167
Plet 5.32	Motif medallion pada serpihan dasar mangkuk porselin biru putih China di tapak Lamreh	168

Plet 5.33	(a) Motif lakaran garis berbentuk persegi pada serpihan bibir mangkuk dan (b) motif lakaran garis berbentuk melengkung pada serpihan badan mangkuk.....	169
Plet 5.34	Motif aksara China yang digabung dengan motif geometri pada interior dasar mangkuk porselin biru putih	169
Plet 5.35	Motif geometri pada serpihan kendi tembikar batu slip coklat di tapak Lamreh.....	171
Plet 5.36	Serpihan dasar mangkuk Sukothai yang dijumpai di tapak Lamreh: (a) interior mangkuk dan (b) eksterior mangkuk	174
Plet 5.37	Serpihan bibir melengkung mangkuk Sukothai: (a) eksterior bibir dan (b) interior bibir	174
Plet 5.38	Pinggan Sukothai hampir lengkap yang dijumpai di tapak Lamreh: (a) interior pinggan dan (b) eksterior pinggan	176
Plet 5.39	Serpihan dasar mangkuk Si-Satchanalai dari tapak Lamreh.....	177
Plet 5.40	Serpihan badan mangkuk Si-Satchanalai dari tapak Lamreh.....	178
Plet 5.41	Lakaran bentuk sebenar mangkuk Si-Satchanalai bibir melengkung	179
Plet 5.42	Lakaran bentuk pinggan berdasarkan serpihan dasar.....	180
Plet 5.43	Lakaran bentuk pinggan berdasarkan serpihan badan	181
Plet 5.44	Lakaran bentuk pinggan berdasarkan serpihan bibir	181
Plet 5.45	Motif flora pada seramik Sukothai-Thailand	184
Plet 5.46	Motif medallion pada seramik Sukothai-Thailand.....	185
Plet 5.47	Motif garis mendatar pada seramik Sukothai-Thailand	185
Plet 5.48	Motif fauna (ikan) pada seramik Sukothai-Thailand	186
Plet 5.49	Motif bunga teratai pada seramik Si-Satchanalai.....	188
Plet 5.50	Motif kelopak teratai pada seramik Si-Satchanalai.....	188
Plet 5.51	Motif medallion pada seramik Si-Satchanalai	189
Plet 5.52	Motif garis menegak pada seramik Si-Satchanalai	190

Plet 5.53	Motif lakaran garis pada seramik Si-Satchanalai.....	190
Plet 5.54	Mangkuk monokrom putih Vietnam dengan hiasan coklat di bawah glais dari tapak Lamreh	193
Plet 5.55	Lakaran bentuk mangkuk monokrom putih Vietnam berdasarkan serpihan bibir.....	193
Plet 5.56	Lakaran bentuk sebenar mangkuk monokrom putih Vietnam berdasarkan serpihan badan	194
Plet 5.57	(a) Serpihan badan kendi Martavan yang dijumpai di tapak Lamreh dan (b) tempayan Martavan koleksi The Colony of Avalon Foundation, Canada (Borell, 2014).....	197
Plet 5.58	Lakaran bentuk penutup tembikar yang dijumpai di tapak Lamreh	200
Plet 5.59	Lakaran bentuk periuk berdasarkan serpihan bibir datar	201
Plet 5.60	Lakaran bentuk sebenar periuk berdasarkan serpihan badan badan	202
Plet 5.61	Lakaran bentuk kendi berdasarkan serpihan dasar.....	203
Plet 5.62	Motif garis mendatar pada tembikar dari tapak Lamreh.....	204

SENARAI GLOSARI

Dapur	<i>kiln</i>	Tempat pembakaran seramik.
Slip	<i>Slip</i>	Lapisan yang menutupi badan seramik. Lapisan ini tidak ditembusi cahaya dan biasanya berwarna coklat dan digunakan untuk menutupi permukaan luar tembikar batu (<i>stoneware</i>).
Martavan	<i>Martavan</i>	Kendi berslip coklat kehitaman yang dihasilkan di Burma, Myanmar abad ke-15 sehingga 18 Masihi.
Penyangga	<i>Buffer</i>	Alat penyangga semasa pembakaran seramik.
Porselin	<i>Porcelain</i>	Lapisan transparan nipis yang menyerupai kaca pada permukaan seramik.
Porselin biru putih	<i>Blue and white porcelain</i>	Seramik porselin putih China yang memiliki hiasan biru di bawah glais. Seramik ini dihasilkan di dapur Jingdezhen abad ke-13 sehingga 19 Masihi.
Qingbai	<i>Qingbai</i>	Seramik porselin putih China yang dihasilkan di dapur Jingdezhen, Fujian-China abad ke-12 sehingga 14 Masihi.
Seladon	<i>Celadon</i>	Seramik porselin hijau China yang dihasilkan di Zhejiang pada abad ke-12 sehingga 16 Masihi.
Seramik	<i>Ceramics</i>	Segala barangan yang diperbuat daripada tanah liat yang dibakar.
Si-Satchanalai	<i>Si-Satchanalai</i>	Seramik berglais hijau yang dihasilkan di utara Thailand abad ke-14 sehingga 16 Masihi.
Slip	<i>Slip</i>	Lapisan yang menutupi badan seramik. Lapisan ini tidak ditembusi cahaya dan biasanya berwarna gelap serta digunakan

untuk menyaluti permukaan luar tembikar batu (*stoneware*).

Sukothai	<i>Sukothai</i>	Seramik dengan hiasan coklat kehitaman yang dilukis di atas slip putih yang dihasilkan di utara Thailand abad ke-14 sehingga 16 Masihi.
Tembikar	<i>Earthenware</i>	Seramik yang dibuat daripada tanah liat dan dibakar pada suhu 350°C sehingga 900°C.
Tembikar batu	<i>Stoneware</i>	Seramik yang dibuat daripada tanah liat dan dibakar pada suhu 1000°C sehingga 1250°C.

**HUBUNGAN KERAJAAN LAMURI DENGAN DUNIA
ANTARABANGSA BERDASARKAN TEMUAN SERAMIK DI KAWASAN
LAMREH KABUPATEN ACEH BESAR (13-15 MASIHI)**

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengkaji seramik yang terdapat di tapak Lamreh, Aceh-Indonesia. Fokus penyelidikan ini ialah untuk melakukan klasifikasi, pentarikhkan, kronologi dan menentukan peranan tapak Lamreh berdasarkan bukti seramik. Oleh itu, untuk mendapatkan seramik maka kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah survei dan ekskavasi. Hasil kerja lapangan menjumpai 6,913 serpihan seramik dengan pelbagai jenis, bentuk dan motif. Kesemua seramik tersebut dianalisis menggunakan beberapa kaedah iaitu (1) analisis morfologi untuk mengenal pasti jenis dan bentuk seramik, (2) analisis motif hias untuk mengetahui motif-motif seramik, (3) pentarikhkan relatif untuk menentukan usia seramik dan kronologi tapak, (4) analisis saintifik menggunakan kaedah *X-Ray Fluorescence (XRF)* dan *Energy Dispersive X-Ray (EDX)* untuk mengenal pasti asal-usul seramik mengikut kepada dapur dan negara penghasilnya dan (5) analisis perbandingan untuk mengetahui peranan tapak Lamreh pada masa lampau berdasarkan bukti seramik. Hasil analisis mendapati seramik di tapak Lamreh berasal daripada empat negara yang berbeza iaitu China, Thailand, Vietnam dan Myanmar. Jenis seramik China yang dijumpai ialah seladon yang dihasilkan di dapur Longquan pada zaman Dinasti Song Selatan dan Yuan (abad ke-13 dan ke-14 Masihi), qingbai yang dihasilkan di dapur Jingdezhen zaman Dinasti Song Selatan dan Yuan (abad ke-13 dan ke-14 Masihi), tembikar batu slip coklat yang dihasilkan di dapur Guandong pada zaman Dinasti Song Selatan dan Yuan (abad ke-13 dan ke-14 Masihi) dan porselin biru putih yang dihasilkan di dapur Jingdezhen pada

masa awal Dinasti Ming (abad ke-14 dan ke-15 Masihi). Jenis seramik Vietnam yang dijumpai ialah seramik monokrom putih yang dihasilkan di dapur Thanh-Hoa abad ke-14 Masihi. Jenis seramik Thailand yang dijumpai ialah Sukothai dan Si-Satchanalai dari kawasan utara Thailand yang dihasilkan pada abad ke-15 Masihi. Jenis seramik Myanmar yang dijumpai ialah kendi slip coklat yang dihasilkan di dapur Martavan pada abad ke-15 Masihi. Ribuan keping seramik import daripada abad ke-13 sehingga 15 Masihi di tapak Lamreh merupakan bukti kewujudan Kerajaan Lamuri di Aceh sejak tahun 1200 Masihi. Kepelbagaian jenis seramik import di tapak Lamreh membuktikan bahawa Aceh pada masa Kerajaan Lamuri mempunyai hubungan kuat dalam bidang kebudayaan dan perdagangan dengan China, Vietnam, Thailand serta Myanmar selama 300 tahun. Data tersebut jelas menggambarkan bahawa Aceh memainkan peranan penting dalam perdagangan maritim di Lautan Hindi sehingga Laut China Selatan seawal 800 tahun dahulu.

**THE RELATIONSHIP OF THE LAMURI KINGDOM WITH THE
INTERNATIONAL WORLD BASED ON CERAMIC FINDINGS IN THE
LAMREH AREA OF ACEH BESAR REGENCY (13 – 15 CENTURY AD)**

ABSTRACT

This research aims to study the ceramics from Lamreh site, Aceh-Indonesia. The focus of this research is to perform the classification, dating, chronology and determine the role of Lamreh site based on ceramic evidences. Therefore, in order to obtain the ceramics, the data collection methods used is survey and excavation. The results of fieldwork uncovered 6,913 ceramic sherds of various types, shapes and motifs. All these ceramics are analysed using several methods which are (1) morphological analysis to identify certain types and forms of ceramics, (2) decorative analysis to determine ceramic motifs, (3) relative dating to find out the age of ceramics and the chronology of the site, (4) scientific analysis using X-Ray Fluorescence (XRF) and Energy Dispersive X-Ray (EDX) to identify the ceramics origin based on the production centre, and (5) comparative analysis to determine the role of Lamreh in the past based on ceramic evidences. The results of analysis found that the ceramics from Lamreh originated from four different countries which are China, Thailand, Vietnam and Myanmar. The types of Chinese ceramics found are celadon produced in Longquan during the southern Song and Yuan Dynasties (13th and 14th century AD), qingbai produced in Jingdezhen during the southern Song and Yuan Dynasties (13th and 14th century AD), brown-slipped stoneware produced in Guandong during the southern Song and Yuan Dynasties (13th and 14th century AD) and blue-white porcelain produced in Jingdezhen during the early Ming Dynasty (14th and 15th century AD). The type of Vietnamese ceramics found is white monochrome ceramics made in

Thanh-Hoa in the 14th century AD. The types of Thai ceramics found are Sukothai and Si-Satchanalai from northern Thailand that were produced in the 15th century AD. The type of Myanmar ceramic found is a brown-slipped kendi made in Martavan in the 15th century AD. Thousands of pieces of ceramic imports from the 13th century until the 15th century AD at Lamreh indicated the existence of Lamuri Kingdom which had strong cultural and trading relationships with China, Vietnam, Thailand and Myanmar for 300 years. These data clearly illustrate the key role of Aceh in maritime trade which spanned from the Indian Ocean to South China Sea as early as 800 years ago.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kajian peringkat sarjana ini melibatkan kajian seramik yang terdapat di tapak Lamreh, Aceh, Indonesia. Oleh itu, bab ini membincangkan tentang latar belakang tapak Lamreh serta isu dan masalah yang dikesan daripada kajian terdahulu. Kemudian dibincangkan juga definisi seramik, tujuan, kaedah dan skop kajian serta huraian bab. Kesemua perbincangan tersebut bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang penyelidikan ini.

1.2 Definisi Keramik

Perkataan seramik berasal daripada bahasa Yunani iaitu “*keramos*” yang bermaksud barangan yang diperbuat daripada tanah liat (*clay*) (Asyaari, 2010). Semua barangan yang berasal daripada tanah liat yang dibakar pada suhu tertentu boleh digolongkan sebagai seramik (Rangkuti & Pojoh, 2008). Ada beberapa perbezaan jenis seramik mengikut bahan dan suhu pembakaran iaitu tembikar, tembikar batu dan porselin.

Tembikar (*earthenware*) iaitu seramik yang dibakar pada suhu mulai 350° sehingga 900°C (Chia, 2003; Rice, 2015). Amnya, tanah liat yang digunakan untuk membuat tembikar tidak bersih dan banyak mengandungi campuran lain (*impurities*) (Narayanan, 2009). Tembikar bersifat porous, berpori, menyerap dan boleh ditembusi air. Bahan asas pembuatan tembikar ialah tanah liat yang dicampur dengan bahan lain untuk penguat seperti pasir, pecahan cengkerang, sekam padi, atau hancuran tembikar lain yang tidak dipakai lagi (Chia, 2003; Rangkuti & Pojoh, 2008).

Tembikar batu (*stoneware*) iaitu seramik yang dibakar pada suhu 1.000°C sehingga 1.250°C (Medley, 1989; Rice, 2015). Bahan asas pembuatannya ialah tanah liat yang bersifat kaca/silika dan boleh berubah secara fizik (*sintering*) kerana suhu pembakaran. Seramik batu tidak menyerap air, tidak ditembusi cahaya dan sedikit berpori berbanding tembikar (Medley, 1989). Sebahagian kumpulannya memiliki permukaan kasar dan sebahagiannya memiliki lapisan penutup (*slip*) dengan pelbagai warna untuk menutupi permukaan luarnya yang kasar (Medley, 1989; Rice, 2015).

Porselin (*porcelain*) iaitu seramik yang dibakar pada suhu 1.250°C sehingga 1350°C (Wood, 1999). Bahan asas yang digunakan terdiri daripada dua jenis iaitu kaolin dan mineral felspar (*feldspar*) (Wood, 1999). Kaolin iaitu suatu jenis tanah liat putih yang hanya akan melebur pada suhu sangat tinggi manakala felspar (China: *petunze*) ialah sejenis mineral yang banyak terdapat dalam batuan granit. Sifat porselin boleh ditembusi cahaya (*transculent*) dan tidak berpori sehingga tidak menyerap air (Rangkuti & Pojoh, 2008). Seramik porselin boleh dibahagi kepada pelbagai jenis mengikut corak dan warna seperti seladon, porselin biru putih, porselin enamel, porselin merah putih, porselin putih dan porselin hijau putih (Rice, 2015).

Namun begitu, terdapat perbezaan istilah yang digunakan di Nusantara amnya di Malaysia dan Indonesia. Perkataan seramik khas digunakan untuk menyebut barangan berglais yang diperbuat daripada batuan (*stoneware*) dan porselin (*porcelain*) manakala perkataan tembikar lebih kerap digunakan untuk menyebut seramik jenis *earthenware* atau *pottery* iaitu tembikar tanah. Ketiga-tiganya dapat bertahan lama walau dalam bentuk serpihan-serpihan kecil sebagai bukti dari sebuah aktiviti pada masa lampau (Asyaari, 2010). Oleh itu, perkataan seramik dalam tesis ini merujuk kepada barangan yang dibuat daripada porselin (*porcelain*) dan tembikar batu


(*stoneware*). Sementara perkataan tembikar digunakan untuk menyebut barangan tembikar atau *earthenware*.

1.3 Latar Belakang

Lamreh merupakan sebuah tapak arkeologi yang terletak di Kampung Lamreh, daerah Aceh Besar, Aceh-Indonesia (Peta 1.1). Tapak ini meliputi keluasan lebih kurang 88,6 hektar persegi. Pada tapak ini dijumpai pelbagai jenis seramik dalam jumlah yang sangat ketara. Setakat ini, belum ada penyelidikan sistematik tentang seramik di tapak Lamreh sehingga hubungan antara Aceh dengan negara-negara luar berdasarkan bukti seramik belum diketahui.

Dalam kajian arkeologi, seramik merupakan salah satu artifak yang boleh memberikan pelbagai maklumat penting antaranya pentarikan relatif, kronologi dan asosiasi tapak. Selain itu, seramik yang dibawa masuk ke tapak ini juga berkait rapat dengan negara penghasilnya. Dengan demikian, seramik juga boleh memberikan maklumat tentang hubungan antara tapak dengan negara penghasilnya.

Tapak Lamreh memiliki keadaan topografi yang unik. Lokasinya terletak di kawasan pesisir yang berhadapan dengan Selat Melaka, Teluk Benggala dan Lautan Hindi. Selain itu, kawasan ini juga berada di antara dua buah teluk kecil iaitu Teluk Krung Raya di sebelah selatan tapak dan Teluk Ujong Batee Kapai di sebelah timur tapak (Peta 1.1). Iklim di kawasan ini adalah tropika dengan hujan pada paras purata di antara 100 mm sehingga 250.5 mm. Oleh itu, pelbagai jenis tanaman tropika boleh tumbuh di kawasan ini (Badan Pusat Statistik Aceh Besar, 2015).



Peta 1.1 Peta lokasi tapak Lamreh (Ubahsuai dari Google Earth, 2018)

Mulai tahun 1990-an sehingga awal tahun 2000, tapak Lamreh digunakan sebagai kawasan pertanian oleh masyarakat tempatan untuk menanam cili, tomato dan

pelbagai jenis sayuran lainnya. Juga sekarang ini beberapa kawasan di tapak Lamreh masih digunakan untuk membela haiwan ternak oleh masyarakat tempatan.

Mengikut kepada sejarah perdagangan maritim, beberapa kawasan pesisir di sepanjang Selat Melaka memainkan peranan penting dalam perdagangan maritim dunia seawal abad pertama masihi (Alpers, 1976). Peningkatan jumlah perdagangan maritim global seawal abad ke-7 sehingga abad ke-16 Masihi memberikan impak besar kepada kawasan-kawasan pesisir di sepanjang Selat Melaka (Hall, 2010). Beberapa kawasan tersebut kemudian menjadi pelabuhan entrepot yang memfasilitasi pertukaran barang antara timur dengan barat (Wade, 2009). Keadaan ini pula membuka peluang kepada kawasan tersebut untuk memperkenalkan rempah ratus berkualiti tinggi ke dalam jaringan perdagangan maritim dunia. Oleh itu, beberapa kawasan pesisir di sepanjang Selat Melaka menjadi destinasi baru dalam jaringan perdagangan maritim antarabangsa (Guy, 1986).

Antara kawasan yang berjaya dikenalpasti adalah Kota China, Muara Jambi dan Palembang (Sriwijaya) yang terletak di pesisir pantai timur Sumatera serta Kedah yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia (Jacq-Hergoualc'h, 2002; Miksic, 2000a; Mokhtar *et al.*, 2019). Berdasarkan kajian arkeologi, artifak dagangan dalam jumlah yang sangat ketara dijumpai di semua tapak tersebut. Antara jenis artifak dagangan yang dijumpai ialah seramik dari China dan Asia Tenggara, kaca dari China dan Timur Tengah, tembikar dari Asia Selatan dan manik dari kawasan Indo-Pasifik (Manguin, 1993; McKinnon, 1984; Nik Hassan & Kamaruddin, 1993). Artifak-artifak tersebut ialah bukti dari hubungan perdagangan antara beberapa kawasan di sepanjang Selat Melaka dengan negara luar yang telah wujud lebih dari 1000 tahun yang lepas.

Selain Kota China, Muara Jambi, Palembang dan Kedah, seramik dagangan juga dijumpai di tapak Lamreh seperti yang telah dijelaskan sebelumnya. Selain itu, perkataan Lamreh kerap dihubungkan dengan perkataan Lamuri atau Lambri, sebuah nama kawasan pesisir yang kerap disebutkan dalam catatan pelayar kuno mulai tahun 800-an sehingga tahun 1500 Masihi (Cowan, 1933).

Perkataan Lamuri pertama sekali muncul dalam ensiklopedia Arab pada abad ke-9 Masihi. Ibnu Khurdadbih menulis “*Beyond Serandib is the isle of Ram(n)i, where the rhinoceros can be seen... This island produces bamboo and brazil-wood, the roots of which are an antidote for deadly poisons... This country produces tall camphor trees*” (Meri, 2005). Pada masa yang sama, sebuah sumber bertulis kuno dari Arab yang bertajuk Akhbar al-Sin wa'l Hind mencatat bahawa Lamuri terletak di antara dua laut iaitu Harkand dan Salahit (Wolters, 1967). Sejarawan percaya bahawa Harkand ialah Teluk Benggala manakala Salahit merupakan perkataan yang berasal dari bahasa Melayu yang bermakna selat. Selat dalam perkataan tersebut merujuk kepada Selat Melaka. Kedua sumber tersebut menunjukkan bahawa Lamuri terletak di pantai Aceh (Meri, 2018).

Sumber bertulis lainnya dari abad ke-10 Masihi berasal dari Parsi dan Arab. Kedua sumber ini membincangkan tentang kawasan yang dikunjungi oleh pedagang Timur Tengah. Abu Zaid Hasan (916 Masihi) menulis bahawa Lamuri mempunyai ladang kapur barus, kayu gaharu dan beberapa jenis ladang lain. Dia juga mencatat bahawa Lamuri merupakan kawasan di bawah pengawasan Maharaja Zabaj (perkataan Parsi kuno untuk menyebut Kerajaan Sriwijaya). Luas kawasan Lamuri lebih kurang 800 *farsakh* (Tibbetts, 2002). *Farsakh* merupakan kaedah pengukuran panjang kuno di Parsi, 1 *farsakh* sama dengan 10 km atau 6.21 batu.

Seorang ahli geografi (*geographer*) dari Arab, al-Mas'udi pada tahun 943 Masihi (27 tahun selepas kedatangan Abu Zaid Hasan) merekodkan bahawa Lamuri merupakan sebuah kawasan yang dipimpin oleh seorang raja. Kawasan ini sangat kaya dengan hasil bumi dan hasil hutan khususnya kapur barus yang berkualiti tinggi (Tibbetts, 2002).

Muhammad ibn Babishad pada tahun 1000 Masihi mencatat bahawa Lamuri terletak selepas Fansur (sebuah kawasan di pantai barat Sumatera yang dipercayai sebagai Barus). Dia telah menyenaraikan nama-nama binatang langka yang dijumpainya di Lamuri. Antara binatang tersebut adalah *zarafa* (badak bertanduk dua dari Sumatera) dan semut-semut yang bersaiz besar (Tibbetts, 2002).

Satu perkataan kuno yang mempunyai persamaan erat dengan kata Lamuri dijumpai pada batu bersurat dari Tamil, India Selatan. Pada batu bersurat tersebut dijumpai perkataan Lamuri (*Illamuridesam*) bersamaan dengan nama kawasan lainnya yang diserang oleh Rajendra Cola pada tahun 1025 Masihi (Wheatley, 1959).

Sejak abad ke-12 Masihi, sumber bertulis dari China mulai menyebutkan nama Lamuri. Chou Ch'u-fei merupakan pedagang China terawal yang menggambarkan tentang aktiviti global di Lamuri. Pada tahun 1178 Masihi dia menulis bahawa Lamuri (*Lan-li*) merupakan pengeluar rotan putih, rempah ratus dan juga sebagai tempat persinggahan kapal dari Canton (Guandong) untuk menunggu pertukaran angin sebelum meneruskan perjalanan ke Sri Lanka atau India (Suryadinata, 2005).

Pada abad ke-13 Masihi, Marco Polo mencatat bahawa Lamuri (*Lambri*) merupakan sebuah negara muslim di Sumatera yang menghasilkan kayu dan kapur barus. Dia juga mencatatkan bahawa Lamuri pernah menghantarkan ufti kepada

Dinasti Yuan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1284 dan 1286 Masihi (Reid, 1995; Yule, 2018).

Catatan bertulis tentang Lamuri sebagai sebuah pusat perdagangan global pada abad ke-14 Masihi muncul dalam sumber Parsi. Ibn Rashiddun pada tahun 1310 Masihi menulis bahawa banyak pedagang dari pelbagai negara datang ke Lamuri (*Lamori*) untuk mencari kapur barus dan emas (Yule, 2018). Sumber bertulis paling lengkap tentang Lamuri ditulis oleh Wang Ta-yuan, seorang pelayar dari China yang mengunjungi Asia Tenggara pada abad ke-14 Masihi. Pada tahun 1349 Masihi dia menggambarkan bahawa Lamuri (*Nan-wu-li*) merupakan pusat perdagangan penting di Asia Tenggara (Yule, 2018). Kawasan ini dikelilingi oleh bukit dan berhadapan dengan laut. Masyarakat di sini hidup di atas bukit dan kesemua mereka mempunyai rumah masing-masing. Cuacanya sangat panas dan tanahnya tandus. Sumber semulajadi yang sangat diminati oleh pedagang luar dari Lamuri adalah sarang burung, cengkerang kura-kura dan kapur barus manakala barang yang diperdagangkan oleh China di Lamuri adalah emas, perak, alatan yang diperbuat daripada besi, seramik porselin dan beberapa jenis barangan lainnya (Suryadinata, 2005; Yule, 2018).

Cheng Ho, seorang diplomat dari Dinasti Ming, China mengunjungi Lamuri pada abad ke-15 Masihi memberikan demografi lengkap tentang Lamuri. Ma Huan (kerani Cheng Ho) menulis bahawa Lamuri (*Nan-po-li*) merupakan salah satu kawasan yang mereka kunjungi. Kawasan ini terletak di tepi laut dan populasinya lebih dari 1000 keluarga. Semua masyarakat di sini adalah muslim yang taat (Sen, 2009; Suryadinata, 2005). Dia juga menyebutkan terdapat sebuah pulau yang terletak beberapa batu nautika di barat laut dari negeri Lamuri. Pulau ini merupakan sebahagian dari negara Lamuri. Pulau tersebut mempunyai sebuah gunung yang tinggi yang kerap digunakan oleh pelaut sebagai penanda semula jadi semasa melintasi samudera. Pulau tersebut diyakini sebagai Pulau Weh atau Pulau Sabang, sebuah pulau

yang terletak di barat laut Banda Aceh (Suryadinata, 2005). Sumber bertulis terakhir yang membicarakan tentang Lamuri berasal dari Eropah. Tom Pires yang mengunjungi Asia Tenggara pada tahun 1511 menulis bahawa Lamuri (*Lambri*) terletak di sebelah kanan negara Aceh (Cortese, 2017).

Berdasarkan pembahasan di atas diketahui bahawa Lamuri merupakan sebuah kawasan yang telah wujud sejak abad ke-9 Masihi. Namun, sumber-sumber di atas tidak menjelaskan secara terperinci kedudukan sebenar Lamuri. McKinnon (1998) membuat penyelidikan berdasarkan pendekatan arkeologi untuk menjawab persoalan tersebut. Dia melakukan survei di kawasan Ujong Pancu, sebuah kawasan pesisir yang terletak 60 km di arah barat daya tapak Lamreh. McKinnon menjumpai beberapa serpihan seramik China yang berasal dari abad ke-13 dan 14 Masihi. Seramik-seramik tersebut dihasilkan di bengkel Zhejiang dan Jingdezhen pada zaman Dinasti Song Selatan dan Yuan. Berdasarkan temuan seramik-seramik tersebut dia berpendapat bahawa kawasan Ujong Pancu ialah pusat Kerajaan Lamuri.

Namun, penyelidikan tentang seramik di Ujong Pancu tidak komprehensif dan jumlah seramik yang digunakan sebagai sampel data sangat sedikit. Oleh itu, hipotesis yang dihasilkan tidak dapat memberikan gambaran sepenuhnya hubungan antara artifak dengan tapak. Pada masa ini, taburan seramik dalam jumlah yang sangat ketara dijumpai di tapak Lamreh. Seramik-seramik tersebut mempunyai nilai yang sangat penting untuk merekonstruksi semula sejarah Aceh pada masa lampau. Selain itu, ianya juga mempunyai erti yang sangat bermakna untuk melihat sejarah perkembangan perdagangan maritim di rantau Asia Tenggara berdasarkan data baru daripada hasil penyelidikan seramik di tapak Lamreh.

1.4 Isu dan Masalah

Setakat ini, tiada sebarang penyelidikan sistematik tentang seramik dagangan yang telah dijalankan di Aceh yang menyebabkan tiada penerbitan yang boleh dirujuk. Oleh itu, berikut dibincangkan beberapa isu dan masalah utama kajian seramik di Aceh.

1.4.1 Kemasukan Awal Seramik ke Aceh

McKinnon (1988) merupakan penulis pertama dan satu-satunya pengkaji yang membincangkan sejarah Aceh abad ke-9 sehingga abad ke-16 Masihi melalui pendekatan data seramik. Dalam tulisannya, ia memberikan gambaran tentang pengalamannya semasa melawat Aceh pada tahun 1988. Antara kawasan yang dikunjunginya ialah Ujong Pancu, sebuah kawasan pesisir yang terletak 20 km di arah barat Banda Aceh. Dalam kawasan ini dia mengumpulkan beberapa serpihan seramik dagangan China yang dihasilkan di zaman Dinasti Song Selatan dan Yuan abad ke-13 Masihi. Namun, tulisan tersebut hanya sorotan literatur tentang catatan-catatan kuno yang ditulis oleh pedagang luar khasnya tentang gambaran Aceh dari abad ke-9 Masihi sehingga abad ke-15 Masihi. Selain itu, di dalam laporan tersebut juga tidak disebutkan tapak Lamreh. Ini menunjukkan tiada data terperinci tentang seramik yang pernah dijalankan di tapak Lamreh.

1.4.2 Klasifikasi Seramik

McKinnon (1988) menyebut beberapa jenis seramik dagangan yang dijumpainya di Ujong Pancu. Jenis-jenis seramik tersebut adalah seladon, qingbai dan porselin biru putih dari China serta beberapa jenis seramik Asia Tenggara. Tulisan

tersebut tidak berjaya mewakili klasifikasi keseluruhan seramik di Aceh dan maklumat yang disampaikan tentang klasifikasi sangatlah kurang.

1.4.3 Usia Keramik

Data terawal menunjukkan bahawa seramik paling tua yang dibawa masuk ke Aceh berasal dari abad ke-12 Masihi yang dihasilkan di China zaman Dinasti Song Selatan (McKinnon, 1988). Ini merupakan kenyataan umum tanpa perbincangan secara terperinci tentang pentarikhkan bagi setiap jenis seramik

1.4.4 Asal Keramik

Salah satu isu dan masalah penting lainnya ialah tentang asal-usul seramik di tapak Lamreh. Keramik yang dibuat dari suhu pembakaran tinggi sangat banyak dijumpai di tapak Lamreh. Setakat ini tidak ada sumber yang membincangkan tentang asal usul seramik di tapak ini. Maka, asal usul seramik di tapak Lamreh masih belum diketahui secara pasti.

1.5 Tujuan Penyelidikan


Penyelidikan ini umumnya bertujuan untuk mendapati data yang lebih lengkap terbaru tentang seramik dagangan yang dijumpai di tapak Lamreh, dan objektif utama ialah:

- a. Menentukan klasifikasi seramik dagangan di tapak Lamreh berdasarkan jenis, bentuk dan motifnya.
- b. Mengenalpasti pentarikhkan seramik dagangan di tapak Lamreh, dan
- c. Menentukan asal-usul seramik dagangan di tapak Lamreh berdasarkan bengkel dan negara pengeluarannya.

- d. Merekonstruksi peranan tapak Lamreh dalam jaringan perdagangan antarabangsa berdasarkan bukti seramik.

1.6 Kaedah Penyelidikan

Rajah 1.1. menunjukkan kaedah yang akan terlibat di dalam penyelidikan ini, iaitu melibatkan kajian literatur, kajian lapangan, kajian makmal dan interpretasi keseluruhan. Secara amnya, kajian ini melibatkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. perbincangan lebih terperinci dilakukan dalam bab 3.



Rajah 1.1 Kaedah penyelidikan

1.7 Skop Penyelidikan

Kajian ini hanya melibatkan artifak seramik di tapak Lamreh sahaja. Kesemua seramik daripada tapak Lamreh ini diklasifikasi mengikut kepada jenis, bentuk, motif hias dan asal-usulnya. Memandangkan sampel seramik *in-situ* yang dijumpai melalui ekskavasi adalah sedikit bilangannya maka kajian ini juga akan melibatkan sampel

permukaan. Kajian ini hanya akan menentukan asal-usul seramik sahaja dan tidak dilakukan kepada artifak tembikar.

1.8 Penulisan Bab

Tesis ini ditulis dalam tujuh bab dan setiap bab dibahagikan kepada beberapa tajuk. Bab 1 ialah pendahuluan yang terdiri dari pengenalan, definisi seramik, latar belakang, isu dan masalah, tujuan, kaedah dan skop penyelidikan serta susunan bab.

Bab 2 ialah sorotan literatur tentang seramik di Asia Tenggara dari aspek klasifikasi seramik, perdagangan maritim, dan taburan tapak-tapak seramik di Asia Tenggara. Bab 3 pula akan membincangkan tentang kaedah penyelidikan dengan lebih terperinci meliputi survei literatur, survei permukaan, pemetaan geofizik, pemetaan kontur, ekskavasi, kaedah analisis dan kaedah interpretasi akhir.

Selepas itu, Bab 4 membincangkan tentang kerja lapangan yang dilakukan daripada aspek hasil survei permukaan, pemetaan kontur tapak, pemetaan geofizik dan ekskavasi serta rumusan bab. Kemudian, dalam Bab 5 pula khas membincangkan tentang analisis fizikal seramik. Perbincangannya meliputi seramik China, seramik Thailand, seramik Vietnam, seramik Myanmar dan tembikar (*earthenware*). Seterusnya, dalam Bab 6 ialah hasil analisis saintifik seramik iaitu analisis *X-ray Fluorescence* (XRF), analisis *Energy-Dispersive X-ray* (EDX) dan rumusan bab.

Akhirnya Bab 7 yang merupakan kesimpulan hasil kajian yang telah dijalankan daripada aspek klasifikasi seramik, pentarikhan tapak berdasarkan bukti seramik, asal-usul seramik, hubungan perdagangan antara tapak Lamreh, Aceh dengan negara sekitar yang sezaman berdasarkan bukti seramik dan cadangan kajian masa depan.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang seramik Asia Tenggara daripada aspek klasifikasi, perdagangan dan tapak-tapak dengan taburan seramik. Bahagian pertama membincangkan klasifikasi seramik berdasarkan tempat asal pembuatannya. Kemudian diikuti dengan penjelasan tentang aktiviti perdagangan seramik dan hubungannya dengan laluan maritim di Asia Tenggara. Bahagian ketiga pula dibincangkan tapak taburan jumpaan seramik di Asia Tenggara. Tujuan utama bab ini adalah untuk mendedahkan hubung kait jumpaan seramik di Asia Tenggara khususnya di Aceh dengan aktiviti perdagangan di laluan maritim serta untuk mengetengahkan kepentingan kedudukan wilayah Aceh dalam jaringan perdagangan tersebut.


2.2 Klasifikasi Keramik






Seramik yang ditemui di Asia Tenggara didapati samada dihasilkan oleh penduduk tempatan di Asia Tenggara seperti seramik dari Vietnam, Kemboja, Thailand dan Myanmar, atau yang dibawa masuk ke Asia Tenggara seperti daripada China, Jepun, Timur Tengah dan Eropah (Guy, 1986). Namun, pada perbincangan ini, seramik Jepun, Timur Tengah dan Eropah tidak dibincangkan kerana tidak dijumpai di tapak kajian.



2.2.1 Seramik China

Dalam sejarah perdagangan dan pembuatan seramik di dunia, negara yang terawal dan paling berjaya dalam menghasil dan mengeksport seramik pada skala besar adalah China. China telah mula menghasilkan tembikar (*earthenwares*) dengan pelbagai bentuk, saiz, dan corak motif pada zaman neolitik (Li *et al.*, 2010). Fungsi tembikar pada ketika itu adalah untuk memenuhi aktiviti keperluan harian dan sebagai salah satu barang hantaran kematian (Wood, 1999). Hal ini dibuktikan menerusi penemuan salah satu tembikar tertua di kubur Jiangxi yang berasal dari abad ke-50 Sebelum Masihi sehingga abad ke-40 Sebelum Masihi (Wood, 1999). Perkembangan pesat dalam penghasilan seramik moden di China telah berlaku semasa Dinasti Tang (618 – 907 Masihi) kerana telah mampu membakar seramik pada kadar suhu tinggi (*high fired ceramics*) dan mampu menghasilkan seramik dalam jumlah yang besar (Wood, 1999). Hasil inovasi tersebut telah menyebabkan China mula menghasilkan pelbagai bentuk dan jenis seramik seperti seladon, porselin putih, qingbai, seramik hitam, porselin biru putih dan porselin enamel (Jadual 2.1) untuk tujuan perdagangan di seluruh dunia (Guy, 1986; Valenstein, 1988; Wood, 1999).

Jadual 2.1 Klasifikasi seramik China yang diperdagangkan di pasaran Asia Tenggara abad ke-9 Masihi sehingga abad ke-19 Masihi

Jenis	Dinasti	Warna	Suhu Pembakaran	Tahun Penghasilan	Lokasi Pembuatan	Sampai Ke Asia Tenggara	Contoh Gambar Seramik
Seladon Changsa	Tang	Monokrom putih hiasan coklat atau hijau	1.150°C-1.200°C	Abad ke-8 sehingga abad ke-10 Masihi	Provinsi Hunan	Abad ke-9 Masihi	 <p>Sumber: Koleksi pribadi</p>

Seladon Yue	Tang	Hijau pudar	1000°C 1.250°C	Abad ke-8 sehingga abad ke-12 Masihi	Provinsi Zhejiang	Abad ke-9 Masihi	 Sumber: Koleksi pribadi
Seladon Longquan	Song Utara	Hijau kebiruan, hijau kelabu, hijau kekuningan, hijau zaitun dan beberapa perbezaan warna hijau lainnya	1.150°C- 1.250°C	Abad ke-11 sehingga abad ke-17 Masihi	Provinsi Zhejiang	Abad ke- 11 Masihi	 Sumber: Koleksi pribadi
Porselin Putih	Tang	Putih (putih gading)	1.250°C	Abad ke-8 sehingga abad ke-17 Masihi	Provinsi Fujian	Abad ke-9 Masihi	 Sumber: Valenstein (1988)
Qingbai	Song Utara	Putih Kebiruan / putih telur	1.250°C	Abad ke-10 sehingga abad ke-14 Masihi	Provinsi Jiangxi	Abad ke-12 Masihi	 Sumber: Koleksi pribadi
Seramik Hitam	Song Utara	Hitam atau Coklat Kehitaman	1.250°C	Abad ke-10 sehingga abad ke-15 Masihi	Provinsi Fujian	Abad ke-11 Masihi	 Sumber: Valenstein (1988)

Porselin Biru Putih	Yuan	Badan berwarna putih dan hiasan berwarna biru	1.250°C – 1.350°C	Abad ke-13 sehingga abad ke-19 Masihi	Provinsi Jiangxi	Abad ke-14 Masihi	 <p>Sumber: Valenstein (1988)</p>
Porselin Enamel	Dinasti Ming	Badan Putih dan hiasan berwarna merah, hijau, biru, hitam, merah jambu dan beberapa perbezaan warna lainnya	1.250°C – 1.350°C	Abad ke-16 sehingga abad ke-19 Masihi	Provinsi Jiangxi	Abad ke-16 Masihi	 <p>Sumber: Koleksi pribadi</p>

2.2.1(a) Seladon

Seladon merujuk kepada seramik berglais hijau (Wood, 1999). Seramik ini juga dikenali sebagai seramik hijau kerana ciri warnanya yang berwarna hijau (hijau kebiruan, hijau zaitun, hijau kelabu dan pelbagai jenis variasi warna hijau) (Wood, 1999). Seladon adalah antara jenis seramik yang memiliki kualiti terbaik dalam sejarah penghasilan seramik eksport di China. Kualiti dan keindahan yang terdapat pada seramik ini menyebabkan ianya menjadi barang dagangan yang mendapat permintaan tinggi di pasaran antarabangsa (Willetts, 1979). Seladon pertama sekali diperdagangkan dalam pasaran antarabangsa ialah semasa zaman Dinasti Song (akhir abad ke-9 Masihi – awal abad ke-10 Masihi) (Krahl, 2010).

Wilayah utama penghasilan seladon semasa zaman Dinasti Tang adalah Hunan yang terletak bahagian utara China dan Zhejiang yang terletak di bahagian selatan China (Valenstein, 1988; Wood, 1999). Seladon yang dihasilkan di bengkel

pembakaran (tanur) di Hunan juga dikenali sebagai seramik Changsa atau seladon Changsa (Krahl, 2010). Seladon Changsa dibuat daripada tanah liat yang dibakar pada kadar suhu 1170°C-1220°C. Glaisnya berwarna kekuningan atau hijau kekuningan (Valenstein, 1988). Bukti perdagangan seladon ini di Asia Tenggara adalah menerusi jumpaan artifak seladon Changsa di tapak kapal karam Tang dan Cirebon di Laut Jawa (Flecker, 2001; Taim, 2016).

Selain daripada itu, seladon yang dihasilkan di bengkel Zhejiang dikenali sebagai seramik Yue (*Yue wares*) atau seladon Yue (Hongming, 2010). Seladon ini dibuat daripada tanah liat porselin dan dibakar pada kadar suhu melebihi 1190°C. Glaisnya berwarna hijau kelabu, hijau zaitun dan hijau kekuningan serta mempunyai corak hiasan motif bunga teratai dan kelopak bunga teratai (Valenstein, 1988). Seladon Yue merupakan antara seramik yang berkualiti tinggi sehingga ianya antara seramik yang pernah digunakan di istana semasa Dinasti Tang (Wood, 1999). Bukti perdagangan seladon Yue di Asia Tenggara dapat dilihat menerusi penemuan artifak ini (serpihan dan lengkap) di tapak tapak karam di Indonesia dan tapak arkeologi di Sumatera (Flecker, 2001; McKinnon, 1984). Seladon Changsa dan Yue merupakan jenis seramik yang terawal diperdagangkan di pasaran antarabangsa iaitu pada akhir abad ke-9 Masihi – awal abad ke-10 Masihi (Guy, 1986; Krahl, 2010; Wood, 1999).

Menjelang abad ke-12 Masihi, seladon Longquan mula diperdagangkan oleh China untuk menggantikan seladon Changsa dan Yue. Seladon ini dihasilkan di bandar Longquan, selatan Zhejiang (Yang, 2018). Kawasan ini mempunyai peranan penting dalam sejarah penghasilan seramik di China sejak zaman Song Utara (10 Masihi) sehingga Dinasti Ming (17 Masihi) kerana berhampiran dengan bandar Hangzhou yang merupakan ibu negara China semasa Dinasti Song (Wood, 1999). Invasi

teknologi penghasilan seladon Longquan telah menyebabkan kualiti seladon yang dihasilkan adalah lebih baik dan mampu dihasilkan dalam jumlah yang banyak (Hongming, 2010; Valenstein, 1988). Mengikut Wood (1999), dapur pembakaran seramik seladon (*dragon kiln*) di bandar Longquan mampu menghasilkan 20,000 sehingga 25,000 keping seramik dalam sekali pembakaran.

Seladon Longquan yang dihasilkan pada abad ke-12 Masihi dapat diperincikan dari segi bentuk, warna glais dan motif hiasan. Dari segi bentuk, seladon yang dihasilkan adalah seperti mangkuk, pinggan, vas, kendi dan beberapa bentuk lainnya. Seladon ini juga mempunyai glais yang tebal, halus, berkilat dan berkilau bagaikan jed (Hongming, 2010). Dari segi warna pula, adalah berwarna hijau kebiruan, hijau zaitun, hijau kelabu dan hijau kekuningan (Valenstein, 1988; Wood, 1999). Manakala dari segi motif hiasan pula, corak yang sering digunakan adalah corak bunga teratai dan ikan (Boqian, 1998).

Secara keseluruhannya, seladon Longquan telah menjadi komoditi eksport utama China pada abad ke-12 Masihi selain tekstil (Wood, 1999). Permintaan yang tinggi ke atas seladon ini telah menyebabkan peningkatan kewujudan dapur pembakaran khususnya di kawasan selatan China (Guy, 1986). Walau bagaimanapun, menjelang abad ke-15 Masihi, permintaan ke atas seladon Longquan telah menurun kerana kewujudan pelbagai jenis seramik baru yang lebih berkualiti khususnya porselin biru putih yang dihasilkan di bandar Jingdezhen (Macintosh, 1977).

2.2.1(b) Porselin Putih

Porselin putih merujuk kepada seramik berglais putih. Seramik ini juga dikenali sebagai seramik putih atau *white wares*. Lokasi utama penghasilan seramik

ini terletak di bandar Dehua, Fujian. Kawasan ini sememangnya terkenal sebagai antara pengeluar seramik putih yang terbaik sejak pemerintahan Dinasti Song Utara atau pada abad ke-10 Masihi (Kerr & Ayers, 2002). Hal ini kerana bandar Dehua mempunyai bahan mentah yang terbaik berbanding kawasan lain di China (Wood, 1999). Oleh itu, para pembuat seramik di bandar ini lebih memilih untuk menghasilkan porselin putih berbanding jenis seramik yang lain. Seramik porselin putih juga pernah dihasilkan di wilayah utara China dan jenis yang dihasilkan adalah seramik Gongxian, Xing dan Ding. Namun, ketiga-tiga jenis seramik tersebut tidak mempunyai kualiti yang baik seperti porselin putih yang dihasilkan di bandar Dehua (Yap & Hua, 1994).

Porselin putih yang dihasilkan di bandar Dehua turut dikenali sebagai porselin Dehua, *blanc de-chine* dan *white wares* (Kerr & Ayers, 2002). Kandungan mineral besi (Fe_2O_3) yang terdapat pada batu porselin ini di bawah 1%, telah menyebabkan ianya boleh dibakar pada kadar suhu melebihi 1280°C sehingga menghasilkan warna sangat putih (Macintosh, 1977). Dari segi bentuk seramik yang dihasilkan pula adalah sederhana, tanpa sebarang corak hiasan, berkilat, boleh ditembusi cahaya dan berwarna putih gading, putih susu dan putih bulu angsa (Kerr & Ayers, 2002). Zaman kemuncak penghasilan porselin putih adalah semasa akhir pemerintahan Dinasti Ming atau pada abad ke-16 Masihi. Kualiti seramik putih yang baik telah menyebabkan ianya dihasilkan dalam skala yang besar dan telah berjaya diekports sehingga ke Timur Tengah dan Eropah (Ayers, 2002; Kerr & Ayers, 2002).

2.2.1(c) Qingbai

Qingbai merupakan seramik porselin putih dengan tona kebiruaan atau putih kehijauan. Seramik ini dihasilkan di wilayah Jiangxi, selatan China pada zaman Dinasti Song Utara abad ke-10 Masihi (Pierson, 2002). Zaman kemuncak penghasilan

seramik ini adalah pada abad ke-12 Masihi atau semasa di bawah pemerintahan Dinasti Song Selatan dan Dinasti Yuan pada abad ke-14 Masihi (Valenstein, 1988). Penghasilan seramik qingbai adalah khusus untuk golongan menengah dan bawah kerana digunakan sebagai peralatan untuk kegunaan harian atau barangan upacara keagamaan. Hal ini telah menyebabkan seramik qingbai mendapat permintaan yang tinggi dan telah berjaya diekspor ke Asia Tenggara dan Timur Tengah (Satō, 1981).

Terdapat sedikit perbezaan antara seramik qingbai dengan porselin putih Dehua. Kandungan mineral besi (Fe_2O_3) yang terdapat dalam batu porselin di wilayah Jingxi adalah melebihi 1% (Pierson, 2002; Wood, 1999; Yap & Hua, 1994). Oleh itu, seramik qingbai yang dihasilkan tidak seputih seramik putih Dehua. Dari segi warna, seramik qingbai berwarna putih kulit telur itik manakala seramik putih Dehua berwarna putih gading (Valenstein, 1988). Sejarawan percaya bahawa menjelang abad ke-14 Masihi seramik qingbai sudah tidak dihasilkan lagi kerana sebahagian besar dapur pembakaran di wilayah Jiangxi mula menghasilkan porselin biru putih (Gillette, 2016).

2.2.1(d) Seramik Hitam

Seramik hitam atau *black wares* telah mula dihasilkan di wilayah Cizhou, utara China (abad ke-10 Masihi) dan mula mencapai zaman kemuncak penghasilannya semasa Dinasti Song Selatan abad ke-12 Masihi. Terdapat dua jenis seramik hitam yang terkenal iaitu seramik hitam Jian dan seramik hitam Jizhou (Lu & Tregear, 1983).

Seramik hitam Jian merupakan seramik yang dihasilkan di wilayah Fujian semasa Dinasti Song Selatan abad ke-12 Masihi (Plumer, 1972). Seramik ini turut dikenali sebagai Teanmoku (dalam bahasa Jepun) yang merujuk kepada nama sebuah

gunung yang terdapat di selatan China (Plumer, 1972). Dari segi bentuk, seramik Teanmoku mempunyai bibir berwarna gangsa dan bergulung (*rolled rims*), mempunyai glais berwarna hitam berkilat dan kesan seperti bulu arnab, sehingga seramik ini juga dikenali sebagai seramik bulu arnab (Wood, 1999). Seramik Teanmoku dibakar pada kadar suhu sehingga 1300°C (Satō, 1981). Oleh itu, seramik Teanmoku dengan kesan pembakaran glais kerap ditemui pada bahagian bawah seramik yang tidak berglais (Wood, 1999). Bentuk seramik Teanmoku yang banyak dihasilkan oleh para pembuat seramik adalah mangkuk minuman teh (Plumer, 1972).

Seramik hitam Jizhou merupakan seramik yang dihasilkan di wilayah Jizhou di utara Jiangxi. Perbandingan seramik hitam Jizhou dengan seramik hitam Jian adalah memiliki warna hitam yang pudar, tidak berkilat dan tidak mempunyai kesan bulu arnab (Lu & Tregear, 1983). Seramik hitam Jizhou mempunyai warna glais yang pelbagai iaitu dari warna coklat sehingga warna hitam. Manakala dari segi motif corak pula, seramik hitam Jizhou adalah lebih bersifat abstrak yakni seperti titisan minyak dan motif flora. Motif hiasan yang lazim terdapat pada seramik Jizhou adalah motif daun (*leaf teanmo bowl*) (Wood, 1999). Hiasan tersebut dibuat dengan menekapkan daun sebenar pada permukaan glais seramik yang masih cair sebelum dibakar di dapur pembakaran. Setelah kering, kesan daun tersebut akan kekal pada bahagian glais seramik sehingga membentuk hiasan pada permukaan seramik (Plumer, 1972; Wood, 1999).

2.2.1(e) Porselin Biru Putih

Porselin biru putih merujuk kepada jenis seramik porselin China dengan hiasan biru pada badan seramik yang berwarna putih (Carswell, 2007; Rhodes, 1960). Porselin biru putih dihasilkan di bandar Jingdezhen, Jiangxi (pusat pengeluar porselin

biru putih terbesar di China) (Carswell, 2007). Dua bahan asas yang terdapat pada porselin ini adalah kaolin dan feldspar. Kaolin merupakan jenis tanah liat berwarna putih kelabu, manakala mineral feldspar atau dikenali sebagai *petuntse* merupakan sejenis mineral yang banyak terdapat dalam batuan granit. Kedua bahan tersebut banyak terdapat di wilayah Jingdezhen (Wood, 1999).

Kaedah penghasilan tanah liat seramik ini dapat dibahagikan kepada beberapa peringkat. Peringkat pertama, kedua-dua jenis bahan (kaolin dan feldspar) dihancurkan atau ditumbuk sehingga menjadi halus seperti tepung. Peringkat kedua, kedua-dua jenis bahan yang telah halus tersebut direndam ke dalam bekas air untuk proses penghasilan sedimen. Peringkat ketiga, endapan sedimen tersebut dikeringkan sehingga menjadi tanah liat yang mudah dibentuk (Kelun, 2004). Secara amnya, tanah liat daripada mineral feldspar hanya boleh dibakar pada kadar suhu 1.150°C sahaja. Apabila dibakar melebihi suhu tersebut maka ianya akan pecah. Namun, dengan mencampurkan tanah liat berfeldspar dengan kaolin akan menyebabkan tanah liat tersebut dapat dibakar pada kadar suhu sehingga 1.330°C. Hasilnya, porselin yang dihasilkan daripada campuran kedua-dua tanah liat ini akan lebih putih, kuat dan boleh ditembusi cahaya (*translucent*) (Carswell, 2007; Gillette, 2016; Kessler, 2012; Vainker, 2005; Wood, 1999).

Dari segi sejarah penghasilan dan perdagangan porselin biru putih telah bermula semasa pemerintahan Dinasti Tang atau pada abad ke-9 Masihi (Vainker, 2005). Kesan penaklukan bangsa Mongol di utara China telah menyebabkan ramai pembuat seramik di Cizhou berpindah ke selatan China (wilayah Jingdezhen). Kehadiran para pembuat seramik ini telah menyebabkan wujudnya inovasi dalam penghasilan seramik dengan motif corak berwarna biru di bawah glais seramik di

China (Wood, 1999). Seterusnya pada abad ke-13 Masihi, setelah para pembuat seramik menemui warna biru dan memperoleh bahan tanah kobalt yang teroksida yang diimport dari Parsi (Gillette, 2016; Kelun, 2004). Sejak itu, para pembuat seramik khususnya di wilayah Jingdezhen mula memperkenalkan dan menghasilkan porselin biru putih. Salah satu corak motif pada porselin biru putih yang terkenal semasa zaman Dinasti Yuan adalah kaligrafi Arab. Porselin ini juga dikenali sebagai *Islamic ware*, kerana seramik ini dikhususkan untuk memenuhi permintaan seramik di kawasan Timur Tengah (Medley, 1989).

Porselin biru putih mula didagangkan di Asia Tenggara pada abad ke-14 Masihi (Kessler, 2012). Kemuncak penghasilan dan perdagangan porselin biru putih telah berlaku semasa Dinasti Ming iaitu di bawah pemerintahan Maharaja Yongle (1403-1424 Masihi), Husuan Te (1429-1435 Masihi) dan Cheng Hua (1465-1487 Masihi). Manakala semasa pemerintahan Maharaja Jiajing (1522-1566 Masihi) dan Maharaja Wanli (1573-1619 Masihi), telah berlaku perubahan dari segi corak hiasan pada porselin biru putih. Motif hiasan yang sering digunakan adalah pemandangan, gelombang, tanaman, naga phonix, itik, rumpai air dan ikan (Brown & Sjostrand, 2002).

Seterusnya pada pertengahan abad ke-16 Masihi, porselin biru putih yang dikenali sebagai Swatow telah mula diperkenalkan (Adhyatman, 1999). Walau bagaimanapun, seramik Swatow memiliki glais retak-retak pada seluruh bahagian seramik dan memiliki pasir pada bahagian bawah seramik (Asyaari, 2010). Seramik Swatow juga memiliki permukaan yang kasar, pada dasar (*base*) interior ada lingkaran tidak berglais daripada kesan pembakaran, mempunyai warna biru yang lebih pudar, tidak berkilat seperti porselin dari Jingdezhen (Dillon, 2008). Semasa pemerintahan